



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Maharajalela
36000 Teluk Intan
Perak Darul Ridzuan

Telefon : 05-6221970
Faks : 05-6231971
Portal
<http://jpnperak.moe.gov.my/ppdhilirperak>

Ruj. Kami : PPD.HIP.100-9/1/1()
Tarikh : 20 JULAI 2018

Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-Sekolah Daerah Hilir Perak.

Tuan,

PEMILIHAN PASUKAN BOLA SEPAK (SENIOR) PSKPP DAERAH HILIR PERAK KE PESTA PSKPP PERINGKAT NEGERI PERAK 2018

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk untuk makluman dan tindakan tuan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pesta PSKPP peringkat negeri Perak akan diadakan pada 27 hingga 30 September 2018 di Daerah Kinta Utara. Pasukan Daerah Hilir Perak perlu menyediakan pasukan yang kuat dan mantap untuk mencipta kejayaan seiring dengan hasrat Pegawai Pendidikan Daerah Hilir Perak ke arah Hilir Perak Sentiasa Cemerlang.

3. Sehubungan dengan itu, pemilihan pasukan Bola Sepak (Senior) PSKPP Daerah Hilir Perak akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 25 Julai 2018 (Rabu)
Masa : 5.00 petang
Tempat : SMK Horley Methodist, Teluk Intan


4. Pegawai sekolah tuan yang berminat dijemput hadir untuk menyertai pemilihan tersebut dan akan mewakili pasukan PSKPP Daerah Hilir Perak ke Pesta PSKPP peringkat negeri sekiranya terpilih. Dipohon kerjasama pihak tuan memberi pelepasan kepada guru-guru/kakitangan sokongan untuk menyertai pemilihan tersebut selaras dengan hasrat Pegawai Pendidikan Daerah Hilir Perak untuk mencipta kecemerlangan dalam kejohanan tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi En. Hamizi b. Abdullah, PTPS Bola Sepak (Senior) PSKPP Daerah Hilir Perak di talian 019 - 460 3348 atau En. Zulkifle b. Tuan Ismain, Penyelia Sukan PPD Hilir Perak di talian 012 - 417 0407.

Kerjasama dan sokongan tuan untuk menjayakan program ini amat dihargai.

Sekian, Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(HAJI MOHAMAD SUHAIMI B. MANSOR@HARUN)
Penolong Pegawai Pendidikan Daerah (HEM)
b/p Pegawai Pendidikan Daerah Hilir Perak

PPD HILIR PERAK SENTIASA CEMERLANG



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERT. NO. AR 4186